

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 8 RABU 23 FEBRUARI 1972

1392 رابو 8 محرم PERCHUMA



SELAMAT DATANG

ACHARA2 YANG LENGKAP DI-ATOR BAGI MENGALU2KAN D.Y.M.M. BAGINDA QUEEN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II akan disambut dengan penuh kebesaran adat-istiadat Diraja Brunei dalam masa keberangkatan Baginda ka-negeri ini.

Baginda akan di-alu2kan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bersama2 dengan pembesar2 negara.

Kechemerlangan adat-istiadat Diraja Brunei akan dapat di-lihat di-sepanjang Sungai Brunei — dari Datu Gandhi ka-Dermaga Kastam Diraja hingga membawa ka-Lapau.

Peralatan2 kebesaran Diraja Brunei yang beraneka warna dan bentuk akan mengambil peranan utama pada mengalu2kan keberangkatan rombongan Diraja British itu.

Dalam lawatan tersebut, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth akan di-sertai oleh suami Baginda, Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh dan anakda Baginda yang kedua, Yang Teramat Mulia Puteri Anne.

Kapal Baginda H.M.Y. Britannia di-jadualkan merapat di-Dermaga Pelabuhan Baru Muara pada pukul 9.30 pagi, 29 Februari, 1972.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang Peter Gautrey dan Ketua Protokol, Yang Di-Mulia-kan Pehin Orang Kaya Penggawa Laila Bentara Diraja, Dato Utama Awang Haji Abbas Al-Sufri akan naik ka-atas kapal Diraja itu untuk mengalu2kan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth, Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh dan Yang Teramat Mulia Puteri Anne.

Saperti mana yang di-jadualkan, rombongan Diraja itu akan menaiki kenderaan dari Pekan Muara menuju ka-Datu Gandhi untuk menaiki Kenaikan Diraja yang membawa rombongan Baginda ka-Dermaga Kastam Diraja, Bandar Seri Begawan.

Sa-buah tambatan telah pun dibena di-Datu Gandhi di-mana akan sedia menanti kenaikan khas tersebut.

Ketika kenaikan yang membawa keluarga Diraja British itu bergerak menuju Dermaga Kastam Diraja, ia-nya akan di-apit oleh perahu menteri2 yang chukup lengkap dengan perhiasan masing2.

Di-Dermaga Kastam Diraja, Bandar Seri Begawan, rombongan Diraja itu akan di-alu2kan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, keluarga Diraja Brunei, ahli2 Majlis Mashuarat Diraja dan pembesar2 negara.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth akan memereksa Barisan Kehormatan yang terdiri dari pasukan Askar Melayu (Lihat muka 8)



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen dan Duke of Edinburgh bersama2 keluarga Baginda, Prince of Wales, Prince Andrew, Prince Edward dan Princess Anne.

Lebeh banyak lagi gas Brunei di-beli oleh Jepun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perjanjian2 telah di-chapai di-Jepun yang meliputi pembekalan lebeh banyak lagi gas chair asli kapada Tokyo Letrik, Tokyo Gas dan Osaka Gas oleh Sharikat Perdagangan Coldgas yang di-mileki bersama oleh Perbadanan Shell dan Mitsubishi.

Pengiriman-nya akan di-mulakan tahun hadapan.

Satu kenyataan Sharikat Shell berkata, perbekalan baru bahan bebas dari kekotoran ke-Jepun itu di-jangka berjumlah hingga kira2 1.5 juta tan sa-tahun menjelang tahun 1975. Sesuai dengan satu kontrak dengan Sharikat Perdagangan Coldgas dalam tahun 1970, tiga sharikat yang sama sudah pun menerima 3.7 juta tan bahan tersebut sa-tahun sa-hingga tahun 1976 dengan pengiriman pertama (Lihat Muka 8)



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah telah berangkat pulang ka-tanah ayer dari London pada hari Sabtu lepas. Yang Teramat Mulia itu di-jangka akan menjadi pemerintah Barisan Kehormatan yang terdiri dari AMDB bagi mengalu2kan keberangkatan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen ka-Brunei.

Gambar atas kelihatan Yang Teramat Mulia itu sedang di-alu2kan oleh Y.A.B. Menteri Besar. Turut juga mengalu2kan Yang Teramat Mulia di-lapangan terbang Berakas ia-lah Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi British, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah serta pembesar2 negara

SA-TENGAH2 maksiat yang di-lakukan oleh sa-tengah orang2 Islam di-akhir2 ini makin bertambah2 dan sa-tengah2-nya pula amat menjulok mata, bukan sahaja mereka melakukan-nya dengan tidak silu2, tetapi yang menyedihkan. Mereka bermegah2 pula dengan-nya, sa-olah2 maksiat yang di-lakukan-nya itu ada-lah satu kemuliaan bagi-nya.

Di-akhir2 ini juga kita sering tersua atau terdengar bahawa ada sa-tengah2 golongan masyarakat Islam kita sendiri mengamalkan permainan judi, istimewa pada masa dalam majlis hari perkahwinan atau sa-umpama-nya dengan tidak segan dan silu. Kita juga sering terbaca baik kesah khalwat, perhubungan jenis rogol dan lain2 lagi melalui surat2 khabar.

Bagi orang yang suka akan minuman keras pula, itu sa-olah2 tidak lagi jadi satu kesalahan bagi-nya, sa-balek-nya pula di-anggap sa-bagai satu kemegahan untuk diri-nya. Minuman keras (arak) bukan sahaja boleh di-dapati di-kedai2, tetapi juga boleh di-dapati tersimpan di-peti2 ayer sejok di-rumah2 orang Islam sendiri untuk di-hidangkan kepada tetamu yang istimewa.

Dalam perkara bermain judi, melihat nasib, meminum arak ini, Tuhan telah mengingatkan di-dalam Al-Quran Al-Karim sa-bagai mana firman-nya yang bermaksud:

"Wahai orang2 yang beriman, sesungguhnya arak dan judi dan sembelehan untuk berhala dan undi nasib itu kotor dari kerja2 shaitan, dari itu jauhi-lah dia, muga2 kamu berjaya".

Ada-lah di-riwayatkan, bahawa dalam masa pemerintahan Khalifah Abdul Malek bin Merwan, telah datang sa-orang pemuda dengan menangis masuk menghadap baginda seraya berkata:

"Wahai Amirul Mu'minin, hamba telah melakukan dosa yang besar. Ada-kah hamba boleh bertaubat?"

"Apa dosa kamu?", tanya Khalifah.

"Besar wahai amirul mu'minin".

"Bertaubat-lah, Tuhan sentiasa menerima taubat hamba-nya dan memaafkan segala kesalahan-nya".

"Wahai amirul mu'minin, hamba menggali satu kubor, hamba lihat pandangan ajaib ia-itu mayat-nya telah berpaling muka-nya dari kiblat". Hamba takut, tiba2 suara menyuruh hamba bertanya. Lalu suara itu menjawab, "Itu-lah mereka yang

SA-TENGAH ORANG2 ISLAM BERMEGAH DENGAN PERBUATAN MAKSIAT



KHUTBAH JUMA'AT

meringankan sembahyang di-masa hidup-nya".

Kemudian hamba menggali lagi satu kubor, hamba lihat mayat-nya bertukar menjadi babi dan di-tengkok-nya terbelengu dengan rantai. Hamba takut dan hamba keluar. Tiba2 suara bertanya kenapa tidak di-tanya? Lalu hamba bertanya kenapa demikian? Jawab-nya itu-lah mereka yang meminum arak di-masa hidup-nya dan mati sa-belum bertaubat.

Kali ketiga hamba menggali lagi satu kubor tiba2 hamba lihat mayat-nya lekat ka-bumi dan terikat kepada satu tiang daripada api dan terkeluar lidah-nya dari tengkok-nya. Hamba takut dan hamba lari dan suara itu memerentahkan hamba bertanya. Lantas hamba bertanya kenapa itu? Jawab-nya itu-lah orang yang di-masa hidup-nya tidak membersihkan kenching-nya betul2.

Kali ke-empat, hamba gali satu kubor, hamba lihat mayat-nya menyala2 berapi. Hamba gemetar dan hendak lari, hamba di-perintah bertanya. Lantas hamba bertanya, kenapa demikian? Suara itu menjawab: Bahawa itu-lah orang yang di-masa hidup-nya tidak bersembahyang.

Kali kelima, hamba gali lagi satu kubor, hamba lihat di-sisi mayat itu चाहया terang sa-iauh mata memandang, mayat itu tertidor di-atas katil yang berkilat2 dan pakaian-nya chukop indah. Hamba bertanya kenapa demikian? Suara itu menjawab bahawa pemuda itu di-muliakan bagitu rupa kerana masa hidup-nya sentiasa ta'at dan beribadat kepada Allah.

Khalifah Abdul Malek pun berkata bahawa itu-lah satu

iktibar bagi orang2 yang selalu derhaka kepada Tuhan-nya di-masa hidup-nya dan pertunjak bagi mereka2 yang semestiasa berbuat ibadat dan kebajikan.



Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 23 Februari, 1972 hingga ka-hari Selasa 29 Februari, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Bulan Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit Matahari
23 Feb.	12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
24 Feb.	12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
25 Feb.	12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
26 Feb.	12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-19	6-32
27 Feb.	12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-19	6-32
28 Feb.	12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-19	6-32
29 Feb.	12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-19	6-32

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-deluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Kg. Salangan akan mempunyai mesjid baru

TEMBURONG. — Kerajaan2 pembenaan mesjid baru di-Kampung Salangan, Daerah Temburong sedang berjalan lancar.

Mesjid tersebut di-bena di-atas sa-keping tanah yang di-hadiahkan oleh Awang Ludin bin Orang Kaya Ali dan ia-nya menelan belanja kira2 \$4,500.

Wang bagi pembenaan mesjid baru itu, ada-lah hasil derma dari orang ramai, dan penduduk2 di-kampung tersebut.

Setia usaha jawatankuasa pembenaan, Awang Shariff bin Sulaiman berkata, borang2 derma telah di-bahagikan2 pada tahun lalu, dan kira2 satu pertiga daripada-nya,

telah di-kembalikan kepada jawatankuasa itu.

Beliau meminta kepada pendema2, yang belum lagi mengem-balikan borang2 itu supaya di-kirimkan sa-berapa segera yang boleh kepada Setia usaha jawatankuasa pembenaan mesjid Mukim Belingos, Salangan, Temburong.

SA-BUAH bangunan kedai dua tingkat berham-piran dengan Balai Polis yang baru di-Pekan Tutong telah musnah akibat berlaku-nya satu kebakaran pada pagi hari Selasa, 15 Februari yang lalu ia-itu sa-waktu masyarakat China memulakan perayaan tahun baru.

Dua buah kereta bomba telah bekejar ka-tempat itu dengan serta merta dan berjaya memadamkan api yang mengganas itu dengan bantuan orang ramai dan pulis.

Akibat kebakaran itu belum lagi di-ketahui, tetapi kerugian di-taksir kira2 \$100,000.00. Tidak sa-orang pun di-beritakan chedera.

Gambar bawah menunjukkan ketika berlaku-nya kebakaran ka-atas kedai dua tingkat itu.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-JABATAN PELAJARAN

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa untuk kekosongan2 yang berikut di-Sekolah Pertukangan Pembangunan, Bandar Seri Begawan dan di-Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait, Negeri Brunei.

- a) **PENOLONG PENGAJAR PERTUKANGAN, PERTUKANGAN KAYU:**
Kelayakan2:
Sijil Pertukangan C.G.L.I. Kursus No. 80.
- b) **PENOLONG PENGAJAR**

Pembantu Teknik kanan

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalon2 yang berkelakuan bagi jawatan2 Pembantu Teknik Kanan ('Am) di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Umor:
25 hingga 55 tahun.

Kelayakan2:

Diploma Kolej Teknik, Kuala Lumpur atau Sijil City & Guilds Intermediate dalam mata2 pelajaran yang berpadanan atau lain2 kelayakan yang sa-banding.

Pengalaman:

Mempunyai sekurang2-nya enam tahun pengalaman praktikal dalam satu atau lebih chabang2 Kejuruteraan Awam atau Bangunan, Ukur, Reka Bentuk, Pembinaan dan Pemeliharaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C 2 — \$710x30-950. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perhubungan sa-lama enam bulan. Bagi chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Bakiss:

Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek, bakiss sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Bakiss tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Pemohon2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat daripada 6hb. Mach, 1972.

PERTUKANGAN, PEMASANGAN BATA:

Kelayakan2:
Sijil Pertukangan C.G.L.I. Kursus No. 82.

- c) **PENOLONG PENGAJAR PERTUKANGAN, MENCAT DAN MENGHIAS:**
Kelayakan2:
Sijil Pertukangan C.G.L.I. Kursus No. 85.

- d) **PENOLONG PENGAJAR PERTUKANGAN, PEMASANGAN PAIP:**
Kelayakan2:
Sijil Pertukangan C.G.L.I. Kursus No. 86 atau 819.

- e) **PENOLONG PENGAJAR PERTUKANGAN, KERAJA2 PROJEK:**
(3 kekosongan) Bagi dua daripada jawatan2 ini chalon2 hendak-lah mempunyai Sijil Pertukangan C.G.L.I. (Pemasangan Bata) Kursus No. 82; untuk jawatan yang satu lagi chalon2 hendak-lah mempunyai Sijil Pertukangan (Pertukangan Kayu) Kursus No. 80.

- f) **PENOLONG PENGAJAR PERTUKANGAN, KENDERAAN, BERMOTOR:**
Kelayakan2:
Kursus C.G.L.I. No. 188, Kerja2 Mekanik Kenderaan Bermotor, bahagian 1 & 2 atau No. 170, kerja2 Technician Kenderaan Bermotor, bahagian 1 & 2 atau REME Artificer Vehicle Course.

- g) **PENOLONG PENGAJAR PERTUKANGAN, WELDING & FABRICATION:**
Kelayakan2:
Kursus City & Guilds No. 360 Fabrication Engineering Craft Practia Bahagian 1 & 2 atau No. 176 Fabrication of Steelwork Advanced, atau No. 323 Welding Craft Practice Bahagian 1 & 2 atau No. 74 Welding Advanced, atau No. 66 Sheet Metal Work Advanced.

- h) **PENOLONG PENGAJAR PERTUKANGAN, PEMASANGAN DAN PENGGUNAAN MESEN:**
Kelayakan2:
Mesti-lah mempunyai kelayakan yang di-iktiraf dalam kejuruteraan mekanikal atau Kursus City & Guilds No. 193 Bahagian 1 & 2. atau No. 393, Sijil Tahun Pertama dalam pertukangan Kejuruteraan.

- i) **PENOLONG PENGAJAR PERTUKANGAN, PEMASANGAN LETRIK:**

Kelayakan2:

Sijil City & Guilds Electrical Installation Technician atau "C" Certificate atau yang sa-banding.

Am:

Chalon2 untuk jawatan2 ini hendak-lah tamat latehan serta mempunyai beberapa tahun pengalaman praktikal, keutamaan akan di-beri kepada chalon2 yang boleh bertutor dan menulis dalam Bahasa Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji T7 — \$470x20-510x30 — 540x20-660x30-690x20 710x30-890. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Bakiss:

Bagi sa-seorang chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek, bakiss

sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Bakiss tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perhubungan sa-lama enam bulan, dan kontrek boleh di-baharu dengan persetujuan bersama. Bagi chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat daripada 18hb. Mach, 1972.

Di-Pejabat S. P. A.

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat dalam perjawatan tetap untuk memenohi kekosongan2 yang berikut di-Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam, Brunei.

1. PENOLONG SETIA USAHA:

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama lima tahun sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas I atau Kerani Bahagian 'A' Lantekan Khas dan telah lulus Peperiksaan Kerani2 Rendah dan Darjah V Melayu. Mesti-lah boleh membaca dan menulis Jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C 3 — EB 4 — \$1000x30-1120/EB/1160x30-1280.

2. PENOLONG PEGAWAI KERJA (PENGAMBILAN)

3. PENOLONG PEGAWAI KERJA (PERKHIDMATAN)

Kelayakan2:

- (a) Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama lima tahun dalam perjawatan tetap; lulus Peperiksaan Kerani2 Rendah dan sekurang2-nya Darjah IV Melayu. Mesti-lah boleh membaca dan menulis Jawi.
- (b) Pemohon2 mesti-lah bersedia untuk menjalani ujian dalam hal-hwal pentadbiran pejabat.
- (c) Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas I dan Kerani Bahagian 'A' Lantekan Khas boleh juga di-pertimbang-

kan dan akan di-kechualikan daripada menjalani ujian yang tersebut di-perenggan (b) di-atas.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C 1 EB 2 — \$610-640-680/EB/710x30-950.

4. PENOLONG PERANGKAAAN RENDAH:

Pemohon2 mesti-lah lulus M.C.E. (aliran Inggeris) dengan mendapat kepujian dalam Ilmu Hisab atau kelulusan yang sebanding dan sekurang2-nya Darjah IV Melayu. Mesti-lah boleh membaca dan menulis Jawi. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang telah menghadhiri sesuatu kursus Perangkaan sa-lama sekurang2-nya satu tahun dan telah lulus Peperiksaan Kerani2 Rendah.

Sharat2 Khas:

Sa-seorang pegawai yang belum pernah menghadhiri sesuatu kursus Perangkaan boleh juga di-pertimbangkan untuk di-lantek sa-bagai Pelatih Penolong Perangkaan Rendah kemudian-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C 1 EB 2 — \$610-640-680/EB/710x30-950.

Pemohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 26hb. Februari, 1972.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim





(23hb. Februari, 1972).

JASA YANG DI-HARGAKAN

SALAH satu jasa dari orang ramai yang sangat2 dihargakan ialah apa yang dikatakan sumbangan kerjasama itu. Ada beberapa chara untuk menumpukan sumbangan kerjasama tersebut yang mana ia-nya kadang2 tidak mengharuskan kita memberikan-nya. Pada bahagian ini ada-lah memerlukan pertimbangan yang matang untuk mencari keputusan-nya. Jika kita tersilap langkah, maka sumbangan kerjasama kita itu boleh menjadi satu bahaya kepada diri kita sendiri dan orang ramai. Ketika itu-lah kerjasama kita itu tidak akan di-anggap sa-bagai satu jasa yang di-hargai oleh masyarakat ramai dan negara. Kerana itu kita di-larang memberikan sa-barang kerjasama terhadap satu2 usaha yang serong atau menyeleweng dari status negara dan masyarakat kita.

Ada-lah menjadi tugas kita bersama untuk mengekalkan dan mengindahkan lagi taraf kedudukan negara dan masyarakat kita sama ada bagi kepentingan pandangan orang2 luar mahu pun bagi kesejahteraan kita bersama.

Kita tetap melaksanakan usaha2 yang berkebaikan yang menjadi amalan kita sa-lama ini yang mana dari usaha2 itu telah sekian lama kita merasakan kesejahteraan itu sa-hingga kini timbul semangat kita untuk benar2 mengelakkan kesejahteraan itu. Kita tidak rela ia-nya di-chabuli dan kita tidak menginginkan timbul-nya sa-barang penderitaan dan kepayahan. Ini tidak berarti bahawa kita sudah lupa terhadap penderitaan2 yang mungkin datang. Kerana kita cukup ingat akan kemungkinan itu-lah, maka kita sentiasa mengawasi langkah kita dengan penoh waspada dengan memulakan langkah dengan "langkah kanan" tetapi bukan "langkah kiri" seperti yang menjadi "perambahan" kita orang2 Brunei.

Di-sepanjang keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II dan rombongan ka-negeri ini, tentu-nya telah kita di-beri tahu berhubung dengan beberapa peratoran yang patut di-patohi demi untuk mengelakkan sa-barang kejadian yang tidak di-ingini.

Peratoran2 yang di-berikan itu sama sekali tidak harus di-anggap sa-bagai satu sekatan atau sa-suatu yang bakal mendatangkan kesusahan di-pehak orang ramai. Tetapi peratoran2 itu ada-lah semata2 untuk memelihara kepentingan2 orang ramai sendiri terutama-nya dari segi keselamatan mereka.

Demikian juga mengenai dengan amaran pehak Polis yang meminta kerjasama orang ramai supaya mengunci rumah masing2 apabila di-tinggalkan. Bagi keluarga yang ramai, maka ada-lah elok jika rumah itu di-tunggu oleh sa-kurang2-nya sa-orang. Dan demikian juga dengan kereta2 hendaklah di-kunci bilamana di-tinggalkan di-mana2 saja tempat penempatan.

Kerjasama2 seperti ini-lah yang sangat2 di-hargakan oleh Kerajaan yang semata2 untuk kebaikan kita bersama.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II

HARI Selasa, 29 Februari, 1972 ini sejarah gemilang Brunei akan bertambah lagi seri-nya apabila D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II selamat menjejakkan kaki Baginda di-bumi Brunei dalam siri lawatan Baginda ka-negara2 di-Tenggara Asia dan Lautan Hindi.

Dalam siri lawatan itu Baginda di-temani oleh suami Baginda, Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh dan anakanda kedua Baginda Yang Teramat Mulia Puteri Anne.

Di-samping untuk melihat sa-chara dekat akan perkembangan dan kemajuan negara2 yang Baginda lawati itu, rombongan Baginda juga merupakan satu pernyataan hasrat untuk mengekalkan perasaan muhibbah antara rakyat Baginda dan rakyat di-negara2 yang Baginda lawati itu.

Ini juga merupakan satu peluang bagi rakyat Brunei untuk mempraktikkan hasrat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang sentiasa memperingati jasa baik Kerajaan British berhubung dengan termeteri-nya pindaan perjanjian 1959.

Bagi memperingati lawatan Baginda dan rombongan itu, Brunei akan mengadakan sambutan sa-chara besar2an yang penoh dengan anekaragam yang sa-bahagian besar-nya bersandarkan kepada kesemakan adat-istiadat negeri ini.

Bagi memperingati Keberangkatan Baginda, suami dan anakanda Baginda ka-negeri ini, maka ini-lah di-siarkan chatatan ringkas riwayat hidup D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Queen; Y.T.M. Prince Philip, Duke of Edinburgh dan anakanda Baginda Puteri Anne.

Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah di-puterikan di-London pada 21 hari-bulan April, 1926, anakanda sulung kepada Duke dan

Duchess of York, dan di-beri nama Elizabeth Alexandra Mary.

Sa-masa kecil, Baginda telah tinggal di-White Lodge, Richmond Park, London dan di-tempat2 kediaman desa ninda2-nya ia-itu King George V dan Queen Mary dan Earl dan Countess Strathmore. Apabila Baginda berusia enam tahun, Duke dan Duchess of York telah mengambil-nya kembali untuk tinggal di-tempat kediaman mereka sendiri di-Royal Lodge di-Windsor Great Park.

Puteri Elizabeth dan adinda-nya, Puteri Margaret, yang di-puterikan empat tahun kemudian, telah menerima persekolahan perengkat permulaan mereka di-istana. Sa-telah ayahanda-nya di-tabalkan sa-bagai King George VI, Puteri Elizabeth yang pada masa itu bakal mewarisi takhta ayahanda-nya, mula mempelajari sejarah perlembagaan dan undang2.




Apabila Baginda meningkat dewasa, Baginda telah mengambil bahagian dalam kegiatan2 awam. Baginda berusia empat belas tahun ketika membuat titah pertama-nya melalui radio dalam bulan Oktober, 1940 sa-masa Rancangan Kanak2 kepada kanak2 di-Britain dan Commonwealth.

Pada awal tahun 1942, Baginda telah di-lantek menjadi Kolonel dalam pasukan Grenadier Guards, dan dalam usia-nya yang ka-enam belas, Baginda mula menjalankan tugas-nya apabila Baginda memeriksa pasukan itu. Sa-lepas itu, Baginda selalu tampil di-khalayak ramai untuk menjalankan tugas rasmi.

Baginda mula mengiringi Baginda King dan Queen dalam lawatan2 mereka ka-kawasan2 di-ba-

Riwayat hidup D. Y. M. M Baginda Queen Elizabeth II

wah naongan Kerajaan British. Tidak berapa lama sa-telah berusia lapan belas tahun, Baginda telah di-lantek-menjadi anggota Majlis Dewan Negeri sa-masa ketiadaan King George VI yang telah melakukan lawatan ka-medan2 peperangan di-Itali, dan berserta dengan bonda-nya Queen Elizabeth, Baginda telah menanda tangani tauliah membenarkan keputusan diatas anggaran dasar undang2 yang baru.



Puteri Elizabeth menghabiskan masa lapang-nya dengan bersuka2 dengan hiburan yang di-gemari oleh anak2 perempuan yang sebaya dengan usia-nya. Baginda suka lukis dan musik. Baginda gemar dengan berbagai2 sukan lapangan luar dan Baginda ada-lah penunggang kuda yang handal semenjak kecil lagi, dan berserta dengan Puteri Margaret, Baginda sering mengikuti ayahanda-nya berkuda di-Windsor Great Park.

Saperti anak2 gadis lain, Baginda dan Puteri Margaret juga tidak ketinggalan mengambil bahagian dalam kegiatan2 belia. Baginda berusia sa-belas tahun apabila menjadi sa-orang Pandu Puteri dan kemudian-nya menjadi sa-orang Ranger Laut.

Dengan perkenan kha sa ayahanda-nya, Baginda berchita2 untuk memasuki ATS (Perkhidmatan Tentera Wataniah Simpanan). Baginda mengikuti satu kursus di-ATS Pusat Latihan Mekanik Kendaraan No. 1 dan lulus sa-bagai sa-orang pemandu yang berkelayakan.

Semenjak tamat-nya perang, Baginda banyak menghabiskan masa-nya dalam majlis2 awam. Banyak pertubuhan2 telah meminta Baginda menjadi Penaong atau Yang Di-Pertua, dan oleh yang demikian Baginda telah banyak membuat lawatan ka-merata tempat di-British Isles. Baginda mengikuti adinda perempuan dan kedua orang tua-nya di-satu lawatan ka-Afrika Selatan, belayar dengan kapal "Vanguard" yang telah di-lancharkan-nya sendiri tiga tahun sa-belum lawatan-nya itu. Ketika dalam lawatan ini-lah Baginda merayakan hari jadi-nya yang kedua puluh satu.

(Lihat Muka 5)

MENGENALI SERBA SEDIKIT LATAR BELAKANG Y. T. M. PRINCE PHILIP, DUKE OF EDINBURGH

YANG Teramat Mulia Prince Philip, Duke of Edinburgh, telah di-puterakan di-Corfu pada 10hb. Jun, 1921, anakanda kapada Prince Andrew dari Greece. Menurut sa-belah ayahanda-nya Yang Teramat Mulia ada-lah keturunan bangsa Denmark; Prince Andrew ada-lah anakanda lelaki yang kedua bagi King George I dari Hellenes; anakanda King Christian IX dari Denmark; bagaimana pun Prince Philip dengan menyerahkan gelaran di-raja-nya telah menjadi warga negara British.

Bonda-nya ia-lah Princess Alice dari Battenberg, anakanda sulung Prince Louis dari Battenberg, yang menjadi warga negara negeri itu dalam tahun 1863 dan dalam perang dunia kedua telah berkenan memakai nama Mountbatten, menyerahkan gelaran di-raja-nya dan menjadi Marquess of Milford Haven yang pertama. Isteri Prince Louis ia-lah Princess Victoria of Hesse, chunda Queen Victoria dan oleh yang demikian Duke of Edinburgh, seperti Queen Elizabeth II ada-lah salah sa-orang chichinda kapada Queen Victoria.

Prince Philip tiba di-Britain sa-masa kecil2 lagi untuk bersekolah di-sana, dan dalam masa chuti persekolahan tinggal bersama2 ninda-nya Dowager Marchioness of Milford Haven, atau bersama2 adinda-nya di-Jerman. Dari sekolah permulaan, Y a n g

Teramat Mulia telah melanjutkan persekolahan-nya ka-Gordonstoun, dekat Elgin di-Scotland.

Yang Teramat Mulia sangat popular dengan rakan2 persekolahan-nya dan dia terkenal sa-bagai sa-orang olahraga-

gawan. Yang Teramat Mulia meminati sukan dan renang, dan menjadi ketua dalam pasukan2 kriket dan hoki sekolah-nya.

Maseh kecil2 l a g i Yang Teramat Mulia tertarik hati kapada laut. Yang



Y.T.M. Prince Philip, Duke of Edinburgh.

Teramat Mulia sangat handal mendayong, dan menjadi ahli pengakap laut yang berkelayakan. Yang Teramat Mulia dan sahabat2 persekolahan-nya telah membena sa-buah kapal (cutter) dan mengambil bahagian dalam beberapa (Lihat Muka 6)

Pertunangan Puteri Elizabeth dengan Lt. Philip Mountbatten

(Dari Muka 4)

Tidak berapa lama sa-telah keluarga di-raja itu pulang dari Afrika Selatan, Baginda King telah mengumumkan bahawa Baginda memberi keizinan ka-atas pertunangan antara anakanda-nya, Puteri Elizabeth dengan Leftenan Philip Mountbatten. Leftenan Philip telah di-puterakan sa-bagai Putera Greece, putera kapada Prince Andrew, tetapi membuang gelaran di-raja-nya itu apabila Yang Teramat Mulia menjadi warga negara British. Ninda Yang Teramat Mulia ia-lah King Christian IX dari Denmark d a n di-sa-belah bonda-nya, Y a n g Teramat Mulia ia-lah sa-orang chichinda kapada Queen Victoria. Yang Teramat Mulia dan Queen Elizabeth telah kenal antara satu sama lain kerana Yang Teramat Mulia telah tinggal di-Britain semenjak kecil lagi di-sebuah sekolah dan di-tempat kediaman ninda perempuan-nya, Dowager Marchioness dari Milford Haven.

da perempuan-nya. Puteri Anne di-puterikan dalam tahun 1950, d a n adinda ketiga-nya Putera Andrew di-puterakan pada bulan Februari, 1960 dan Putera Edward pada bulan Mach, 1964.



Semenjak lawatan pertama-nya ka-seberang laut dalam tahun 1947, Baginda Queen telah banyak melakukan lawatan2 rasmi ka-seberang laut, di-antara-nya sa-belum baginda di-tabalkan menjadi sa-orang Queen. Sa-bagai sa-orang puteri, baginda telah membuat lawatan rasmi dengan Duke of Edinburgh ka-Perancis dan Greece, dan pada musim buah tahun 1951, baginda dan Duke telah menawan hati raayat Canada apabila mereka melawat negara itu. Sa-bagai puteri juga, baginda melawat negeri Malta ketika suami-nya Duke di-tugaskan di-sana.

Apabila baginda King gering dan tidak d a p a t melakukan lawatan ka-Australia dan New Zealand, baginda telah menggantikan tempat ayahanda-nya. Dalam perengkat pertama perjalanan baginda ka-negara2 itu, baginda telah menerima berita tentang kemangkatan ayahanda-nya dan juga penabalan-nya menjadi Queen.

Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah di-tabalkan di-Westminster Abbey pada 2 Jun, 1953. Upacara itu, di-hadiri oleh perwakilan2 dari semua negara2 Common-


wealth dan negara2 asing. Beratus2 ribu orang raayat babin menyaksikan upacara menerusi talibisen dan mendengar siaran2 radio di-seluruh dunia.

Dalam tahun yang berikutnya, baginda memulakan lawatan-nya bersama2 dengan Duke of Edinburgh ka-negara2 Commonwealth. Dalam bulan Nobember 1953 hingga Mei 1954, baginda dan Duke telah melawat Bermuda, Jamaica, Fiji, Tonga, New Zealand, Australia, Ceylon, Uganda, Malta dan Gibraltar. Pasangan Diraja itu telah di-sambut dengan perasaan gembira dan kasih sayang oleh raayat negara2 yang di-lawati mereka. Ini-lah lawatan yang pertama kali-nya di-lakukan oleh baginda dalam lingkungan Commonwealth. Sa-lain dari lawatan2 ka-negara2 commonwealth, baginda bersama2 dengan Duke of Edinburgh telah banyak melakukan lawatan ka-negara2 seberang laut.

Di-Istana, baginda meraiikan Perdana2 Menteri negara2 Commonwealth ketika mereka mengadakan persidangan di-London, dan Ketua2 Negara apabila mereka melakukan lawatan2 rasmi ka-Britain. Sa-lain dari itu, baginda juga menerima sa-bilangan besar orang2 ternama termasuk menteri2, pelawat2 asing dan perwakilan2 diplomat Commonwealth, British dan asing. Baginda juga menyampaikan kurniaan pingat2 dan darjah2 kapada antara 2,500 hingga 3,500 orang pada tiap2 tahun, satu bilangan yang besar jika penyampaian yang di-adakan termasuk di-dalam lawatan2


ka-seberang laut.

Hampir2 30,000 orang yang mewakili semua golongan masyarakat, menghadiri tiga buah Majlis Jamuan Pekarangan Taman dan sa-buah di-Holyroodhouse, Edinburgh pada tiap2 tahun dan beribu2 orang lagi menghadiri Majlis Khas Jamuan Pekarangan Taman yang kadang kala di-adakan untuk pertubuhan kebangsaan yang terkemuka bagi merayakan perayaan yang penting dan sebagai-nya. Walau pun baginda tidak dapat menemui sa-tiap orang di-majlis itu, tetapi beribu2 orang telah di-perkenalkan kapada baginda atau salah sa-orang keluarga diraja.



Sa-lain dari Majlis Jamuan Diplomat yang di-adakan pada tiap2 tahun di-Istana Buckingham itu, baginda juga mengadakan kira2 40 hingga 50 jamuan makan malam, tengah hari dan jamuan2 ringan pada tiap2 tahun bagi pelawat commonwealth dan asing dan juga raayat baginda.

Kesemua ini dan perhubungan2 luas sa-chara moden telah membawakan baginda lebih rapat kapada raayat jelata yang tidak mungkin dapat di-lakukan terhadap raja2 yang sa-belum-nya. Sa-lain dari itu, sejarah telah di-buat dalam tahun 1970 apabila keluarga Diraja memperkenalkan ka-atas pembinaan sa-buah filem talibisen yang menggambarkan kehidupan sa-hari2 dan juga di-majlis2 keluarga Diraja itu.



Perkahwinan Diraja itu telah berlangsung di-Westminster Abbey pada 20hb. Nobember, 1947. Sa-hari sa-belum perkahwinan diraja itu, Yang Teramat Mulia Prince Philip telah di-kurniakan gelaran 'Duke of Edinburgh' dan di-panggil kehormatan 'Yang Teramat Mulia'. Prince Charles, yang sekarang ini menjadi Prince of Wales, bakal raja, telah di-puterakan sa-tahun kemudian dan adinda-

PRINCE PHILIP DENGAN BERBAGAI2 KEGIATAN NEGARA DAN PERKHIDMATAN MASHARAKAT

(Dari Muka 5)

apa pelayaran ka-Shetlands, Hebrides dan Norway. Yang Teramat Mulia chukup mahir mengendalikan kapal layar di-kawasan perayeran Norway Firth tanpa di-temani oleh orang dewasa.

Prince Philip ada-lah ketua sekolah-nya a p a b i l a Yang Teramat Mulia berhenti dalam bulan Mei 1939 untuk menjadi kadet angkatan laut. Dalam memilih pekerjaan di-salah satu Perkhidmatan Tentera Yang Teramat Mulia telah mengikut jejak tradisi kedua2 belah pihak keluarganya. Kedua ninda-nya berkhidmat dengan angkatan laut.

SELAMAT DATANG

Yang Teramat Mulia maseh menuntut di-Maktub Angkatan Laut Diraja Dartmouth apabila perang meletus. Di-Dartmouth Yang Teramat Mulia telah di-kurniakan "King's Dirk" sa-bagai pegawai kadet yang paling terbaik di-masa itu.

Dalam bulan Januari 1940 Yang Teramat Mulia berkhidmat dengan angkatan laut sa-bagai pegawai perhubungan dalam kapal perang Ramillies, dan sa-telah berkhidmat dengan kapal2 penjelajah Kent dan Shropshire Yang Teramat Mulia telah dipileh untuk berkhidmat dengan kapal perang Valiant dalam Pasokan Mediterranean. Beberapa bulan kemudian-nya perang Cape Metapan berlaku. Kerana perkhidmatan-nya dalam pertemporan itu Yang Teramat Mulia mendapat pujian dari Laksamana Sir Andrew Cunningham.

Sa-lepas pulang dengan mendapat pangkat Leftenen Muda, Prince Philip telah dilantek berkhidmat dengan kapal pembinas Wallace. Di-angkat menjadi Leftenen dalam bulan Jun 1942, dan Yang Teramat Mulia merupakan sa-orang pegawai Angkatan Laut yang paling muda untuk bertugas sa-bagai pemerintah kedua bagi sa-buah kapal pembinas yang besar. Dalam bulan Julai 1943 Yang Teramat Mulia menyertai pendaratan2 di-Sicily.

D a l a m tahun 1944 Yang Teramat Mulia di-lantek menjadi Leftenen Pertama dengan kapal H.M.S. Whelp, sa-buah kapal pembinas British yang terbaharu sekali hampir siap di-bena. Y a n g Ter-

amat Mulia berlayar bersama kapal itu ka-Timur Jauh dan mengambil bahagian dalam peperangan terhadap Jepun. Yang Teramat turut serta dalam upacara penyerahan Jepun di-Teluk Tokyo.

Dalam bulan Julai 1947 Yang Teramat Mulia telah mengikat tali pertunangan-nya dengan Princess Elizabeth. Istiadat perkahwinan-nya telah berlangsung di-Westminster Abbey pada 20 Nobember. Pada hari menjelang-nya perkahwinan itu, King George VI telah mengurniakan gelaran Duke of Edinburgh, Earl of Merioneth dan Baron Greenwich dan Knight of the Garter dan membenarkan Yang Teramat Mulia menggunakan gelaran "Yang Teramat Mulia" kepada Prince Philip.

Sa-telah perkahwinan-nya, Duke of Edinburgh telah meneruskan tugas angkatan laut-nya.

Dalam bulan Julai 1950 Yang Teramat Mulia di-lantek menjadi Leftenen Commander, dan tidak lama sa-lepas itu, buat pertama kalinya, Yang Teramat Mulia telah menjadi pemerintah H.M.S. Magpie, sa-buah kapal perang berpangkalan di-Malta.

SELAMAT DATANG

Yang Teramat Mulia memerintah kapal itu sa-hingga bulan Julai 1951 apabila di-umumkan bahawa Yang Teramat Mulia di-larang meneruskan perkhidmatan-nya dalam angkatan laut sa-hingga King George dan Permaisuri-nya berangkat pulang dari lawatan2 ka-negara2 Commonwealth yang bakal di-adakan itu.

Apabila kesihatan King George tidak mengizinkan lawatan itu di-laksanakan, Princess Elizabeth dan Duke of Edinburgh telah membuat keputusan untuk menjalan-kan lawatan itu bagi menggantikan ayahanda dan bonda mereka dan kedua2-nya mungkin tiba di-Australia dan New Zealand jika tidak kerana kemangkatan King George VI yang tidak semena2 itu.

Sejak Queen Elizabeth II duduk di-atas takhta kerajaan, Duke of Edinburgh telah memainkan perana penting yang kian bertambah dalam negara, dan Yang Teramat Mulia mengambil perhatian penting kapada kebanyakan aspek2-nya, terutama-nya yang berkaitan dalam bidang kema-



Y.T.M. Prince Philip, Duke of Edinburgh menerima chandermata dari D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin ketika Yang Teramat Mulia itu melawat Brunei dalam tahun 1959.

juan2 sains dan indastri serta sukan.

Kechenderongan-nya dalam bidang sains sangat gemilang. Persatuan British bagi Kemajuan Sains telah mengundang-nya menjadi Presiden persatuan dalam tahun 1951, ia-itu tahun Pesta Perayaan British.

Yang Teramat Mulia memboktikan lagi kechenderongan-nya dalam bidang penyelidikan sains dengan mengkaji kerja2 sains sa-chara sendiri, dan Yang Teramat Mulia telah melawat ka-steshen2 penyelidikan dan makmal di-di-seluruh negeri itu.

Yang Teramat Mulia bukan saja menaruh perhatian dalam bidang penyelidikan sains indastri bahkan perusahaan am-nya, dan banyak lawatan telah di-lakukan-nya atas tujuan mengenal sendiri kehidupan perusahaan Britain. Yang Teramat Mulia telah melawat ka-lombong2 arang, kilang2, kerja2 kejuruteraan dan kilang2 perindastrian.

Yang Teramat Mulia telah juga mengarahkan supaya persediaan di-buat bagi mengadakan satu sidang di-Oxford dalam bulan Julai 1956, ia-itu Persidangan Kajian HRH Duke of Edinburgh mengenai Masaalah2 Manusia bagi Masharakat Indastri dalam lingkungan Commonwealth dan Empire. Persidangan itu yang di-hadiri oleh kaum lelaki dan perempuan dari seluruh pelusok Commonwealth, telah menjalan-kan satu pengkajian pratikal mengenai aspek2 perindastrian ka-atas manusia dan terutama-nya faktor2 yang mendatangkan kepuasan, kemahiran dan saling memahami, bagi kedua pihak dalam pertubohan2 indastri dan perhubungan sa-hari2 antara indastri dan masharakat sa-keliling-nya. Sidang Pengkajian Commonwealth yang kedua

telah di-adakan di-Canada pada musim panas tahun 1962 dan yang ketiga di-Australia dalam tahun 1968.

Yang Teramat Mulia telah di-lantek menjadi Pemerintah dalam Angkatan Laut Diraja dalam bulan Jun 1952. Dalam bulan Disember berikut-nya pengumuman dibuat bahawa Baginda Queen telah berkenan atas perlantekan Yang Teramat Mulia sa-bagai Laksamana Pasokan Kadet Laut, Colonel-in-Chief Pasokan Kadet Tentera, dan Air Commodore-in-Chief bagi Pasokan Latahan Udara — ia-itu perlantekan2 yang terdahulu-nya di-sandang oleh mendiang King George VI. Dalam bulan Januari 1953 Baginda Queen telah berkenan atas perlantekan Prince Philip kapada Laksamana Angkatan Laut dan perlantekan2-nya sa-bagai Field Marshal dan Marshal Angkatan Udara Diraja.

SELAMAT DATANG

Yang Teramat Mulia ada-lah juga Kapitan General Royal Marined, Colonel-in-Chief atau Colonel bagi beberapa pasokan Regimen baik di-U.K. mahu pun di-negara2 Commonwealth di-seberang laut.

Prince Philip memberikan perhatian berat ka-atas ketiga2 perkhidmatan itu dan telah menyertai lathan2 Pasokan Laut, dan melawat Pasokan Angkatan Udara Diraja dan unit2 tentera di-dalam dan di-luar negeri.

Duke of Edinburgh ada-lah juga Penaong atau Presiden bagi beberapa pertubohan yang besar. Yang Teramat Mulia ada-lah Presiden bagi Kesatuan Berbahasa Inggeris Commonwealth ia-itu satu jawatan yang di-pegang oleh Baginda Queen sa-belum

(Lihat Muka 7)

PUTERI ANNE TERPILEH SA-BAGAI JAGOH SUKAN BRITISH TAHUN 1971

ANAKANDA kedua kapada D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen dan Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh, Puteri Anne telah di-puterikan di-Clarence House pada 15hb. Ogos, 1950, semasa bonda-nya maseh bergelar Puteri Elizabeth yang bakal mewarisi takhta kerajaan British. Yang Teramat Mulia telah di-berikan nama Anne Elizabeth Alice Louise. Dari kecil lagi Y.T.M. sa-orang yang periang dan jika di-bandingkan dengan gambar2 lama, wajah-nya hampir serupa dengan Baginda Queen semasa mereka berusia sama.

Sa-jurus lepas menaiki takhta kerajaan, Baginda Queen Elizabeth telah berpindah bersama keluarga-nya ka-Istana Buckingham dan di-sana puteri yang maseh kecil itu mendapat didekan pelajaran dalam sa-buah darjah pribet. Y.T.M. telah memasoki Pasokan Brownies dan kemudian Pandu Puteri. Dalam musim panas tahun 1962, Y.T.M. telah mengadakan lawatan pribet sambil belajar ka-Peranchis sa-bagai sa-orang tetamu kapada Marquis dan Marquise de Saint-Genys, sahabat kapada Comte de Paris.

Dalam bulan September, 1963 Puteri Anne telah menjadi sa-orang penuntut di-Sekolah Benenden, sa-buah sekolah asrama untuk perempuan di-Kent, di-mana Y.T.M. telah mengambil peperiksaan peringkat A dalam tahun 1968. Akhir tahun itu, sa-telah meninggalkan sekolah, Y.T.M. telah mengambil kursus enam minggu di-Sekolah Berlitz untuk bahasa2.

SELAMAT DATANG

Sa-telah mencapai usia 18 tahun, Puteri Anne mulai menjalani pekerjaan2 rasmi. Puteri Anne membuat lawatan yang pertama keluar Britain dalam tahun 1954, apabila Y.T.M. dan Prince of Wales belayar dalam kapal diraja menuju Tobruk untuk menemui ayah-anda dan bonda mereka samasa pulang dari melawat negara2 Commonwealth. Sekarang Y.T.M. telah menyertai Baginda Queen dan Duke dalam lawatan2 negara, dan kali yang pertama ia-lah ketika Y.T.M. menyertai mereka ka-Austria dalam bulan Mei, 1969, dan Y.T.M. telah mengembara ka-seberang laut beberapa kali bersendirian dan dengan Prince of Wales ka-Washington di-mana mereka menjadi tetamu kepada anak perempuan dan menantu Presiden Nixon. Y.T.M. dan Prince Charles telah juga melawat Kenya dalam bulan Februari, 1971. Puteri Anne sa-lepas itu kelihatan dalam television BBC mengenai kunjungan tersebut yang mana telah di-adakan berhubung dengan kerja2-nya dalam gerakan Derma Menyelamatkan Kanak2.

Puteri Anne telah mewarisi kegemaran bonda-nya ia-itu sayangkan kuda dan telah mengambil bahagian dalam pertunjukan Tahunan Kuda di-Wembley dan Perlumbaan Kuda Badminton (kali pertama sa-orang keluarga diraja meng-

ambil bahagian dalam bulan April 1971; mendapat tempat kelima). Dalam bulan September berikut-nya Y.T.M. telah memenangi Piala Raleigh dalam Perlumbaan Tiga Hari Perseorangan Eropah di-Burghley, Lincolnshire — menchipta satu rekod lagi sa-bagai sa-orang keluarga diraja yang pertama memenangi kejohanan perlumbaan Eropah. Kerana kejayaan ini Y.T.M. telah 4 kali di-berikan gelaran sa-bagai

ahli sukan wanita tahun ini oleh Persatuan Penulis2 Sukan, akhbar Daily Express dan World Sport, journal Persatuan Olimpik British, dan sa-bagai ahli sukan terkemuka tahun 1971 oleh BBC.

SELAMAT DATANG

Puteri Anne mempunyai pendapat tersendiri mengenai pakaian dan selalu kelihatan memakai feshen2 terbaharu. Y.T.M. pandai bernang, mem-

bawa kereta, dan mengambil bahagian dalam banyak akti-biti2 di-luar bandar sa-masa di-Sandringham dan Balmoral.

Di-antara banyak tugas2-nya sa-bagai penaong, Yang Teramat Mulia itu ia-lah Presiden Derma Menyelamatkan Kanak2, Commandant-in-Chief Nursing dan Ambulance Cadets of St. John Ambulance Brigade, dan Colonel-in-Chief Pasokan 14/20 King's Hussars dan Worcester dan Sherwood Foresters' Regiment.



Yang Teramat Mulia Puteri Anne.

PRINCE PHILIP PEMINAT SUKAN DAN OLAHRAGA

(Dari Muka 6)

Duli Yang Maha Mulia naik takhta kerajaan. Satu pertubohan yang di-minati benar oleh Duke itu ia-itu Persatuan Padang2 Sukan Kebangsaan dan Yang Teramat Mulia juga menjadi Presiden Majlis Pusat Riadhah Jasmani.

Dalam menjalankan usaha2-nya bagi belia dan latehan-nya, Prince Philip dalam tahun 1956 telah menubuhkan Skim Biasiswa Duke of Edinburgh. Biasiswa ini pada mulanya hanya di-beri kapada belia2 lelaki dan dalam tahun 1958 telah juga di-beri kapada belia2 perempuan, dan adalah untuk mencapai kejayaan2 dalam perbagai bidang, seperti pertubohan2 menjelajah, kerja2 menyelamat dan perkhidmatan awam, pengkajian atau pertukangan tangan, dan kesihatan jasmani.

Yang Teramat Mulia maseh meminati beberapa achara olahraga, bermain polo, berlayar dan menjadi Laksamana bagi Pasokan Kapal Layar Diraja. Dari tahun 1940 hingga 1950 Yang Teramat Mulia menjadi Presiden bagi pertubohan M.C.C. ia-itu Badan Pentadbiran Kriket.

Dalam tahun 1952 Yang Teramat Mulia telah belajar memandu kapal terbang, dari Angkatan Udara Diraja dan lulus sa-bagai sa-orang pemandu kapal terbang, dan kemudian-nya Yang Teramat Mulia belajar chara2 memandu helikopter.

Yang Teramat Mulia sering membawa sendiri kapal-terbang2 dari Pasokan Udara Baginda Queen. Prince Philip ada-lah Grand Master of the Guild bagi Juru2 Terbang dan Ahli Pengemudi Udara bagi British Empire, Pengerusi Perkhidmatan Kesatuan dan Kelab Udara Diraja dan bekas Presiden Kehormat Persatuan Penerbangan.

SELAMAT DATANG

Duke of Edinburgh telah menerima beberapa kurniaan dari negara asing dan mendapat ijazah2 kehormat dari beberapa buah universiti. Yang Teramat Mulia ada-lah Chancellor University of Wales, Edinburgh dan Salford, dan Life Governor King's Kolej di-London Universiti.

Dalam bulan April 1952 Baginda Queen telah berkenan mengurniakan gelaran Knight

of the Thistle ka-atas Duke dan dalam bulan September berikut-nya Baginda mengis-tiharkan dengan Warrant Diraja bahawa Yang Teramat Mulia telah di-kurniakan keutamaan dan keistimewaan sa-lepas diri Baginda dalam segala hal dan persidangan.

Dalam bulan Februari 1957 pengumuman telah di-buat bahawa Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah berkenan mengurniakan Duke of Edinburgh taraf dan kehormatan sa-bagai sa-orang Putera United Kingdom, dan Duli Yang Teramat Mulia mesti-lah di-kenali di-masa hadapan sa-bagai 'Prince Philip, Duke of Edinburgh'. Baginda telah berkenan melantek-nya ka-Darjah Order of Merit pada hari keputeraan Baginda yang ke-47 dalam bulan Jun 1968.

Duke telah mengiringi Baginda Queen dalam semua lawatan Baginda ka-negara2 Commonwealth dan lawatan2 rasmi ka-negara2 di-seberang laut sejak Baginda naik takhta kerajaan serta lawatan2 yang di-lakukan oleh Baginda kaseluruh United Kingdom dan Yang Teramat Mulia sendiri telah juga melawat ka-beberapa buah negara asing.

Baginda Queen akan di-sambut dengan penoh adat-istiadat

(Dari muka 1)

Diraja Brunei di-bawah perintah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah.

Sa-lepas istiadat itu, rombongan Diraja itu akan menaiki usongan untuk berangkat ka-Lapau.

Di-dalam usongan itu nanti akan mengandongi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Anak Saleha, D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth, Duli Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Raja Anak Damit, Yang Teramat Mulia Puteri Anne, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dan dua orang pemegang payong.

Usongan yang membawa keluarga Diraja British dan Brunei itu akan di-iringi oleh pembesar2 negara dan pembawa alat2 kebesaran diraja.

Di-Lapau akan di-jalankan istiadat mengadap di-mana Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen akan melapadkan titah.

Rombongan Diraja itu kemudian-nya akan menghadiri Istiadat Persantapan tengah hari di-Istana Darul Hana.

Pada sa-belah petang pula yang di-jadualkan bermula pada pukul 3.40, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen dan rombongan akan berangkat melawat Muzium Peringatan Churchill dan sa-lepas itu ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Seri Begawan.

Sa-lepas melawat di-ke dua2 tempat tersebut, rombongan Diraja itu akan berangkat ka-Muzium Brunei di-Kota Batu dan saterus-nya Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth akan bermurah hati bagi melakukan pembukaan Muzium itu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen dan rombongan kemudian-nya berangkat ka-rumah kediaman Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British untuk berehat.

Pada pukul 5.30 petang pula, Baginda dan rombongan akan menghadiri satu jamuan di-rumah kediaman Pesuruhjaya Tinggi British itu yang di-khaskan bagi warganegara British sahaja.

Dalam majlis itu juga pengurniaan bintang2 akan di-jalankan dan sa-lepas itu rombongan Diraja itu berangkat balek ka-kapal H.M.Y. Britannia.

Di-atas Kapal H.M.Y. Britannia satu istiadat jamuan akan di-langsungkan mulai pukul 8.30 malam sa-bagai penutup lawatan Baginda dan rombongan ka-negeri ini.

Keramaian bermula 28 Februari

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei akan mengadakan perayaan sa-chara besar2 an b a g i mengulazkan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ka-negeri ini.

Sa-bagai memulakan perayaan itu, satu istiadat membuka gendang jaga-jaga akan di-langsungkan di-Lapau esok, 24 Februari.

BAGI menghormati lawatan Diraja itu, D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah memperkenan hari kelepasan awam bagi seluruh negeri sa-lama tiga hari ia-itu 29hb. Februari, 1hb. dan 2hb. Mach, 1972.

Seluruh raayat dan penduduk negeri ini juga akan mulai mengibarkan bendera di-rumah masing2 esok sama ada bendera2 yang di-punyai oleh Pengiran2 mahu pun bendera2 yang terdiri dari orang2 yang bergelar.

Orang ramai pula akan mengibarkan bendera Brunei atau bendera Union Jack.

Perayaan2 yang akan berlangsung sa-hingga 2 Mach

AMARAN PULIS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang ramai di-ingatkan supaya berjaga2 untuk memelihara keselamatan harta-benda masing2 sewaktu perayaan2 sedang berjalan.

Pihak Polis menyatakan semalam bahawa di-sepanjang perayaan2 itu di-jalankan rumah2 hendaklah di-kunci dengan chemat jika di-tinggalkan kosong.

Walaumacham-mana pun, Polis menasehatkan supaya rumah2 jangan di-tinggalkan dan hendaklah di-tunggu sa-kurang2-nya sa-orang bagi mengelakkan sa-barang kejadian saperti kebakaran dan kechurian.

Tuan2 punya kereta juga di-ingatkan supaya mengunci kereta masing2 apabila di-tinggalkan.



Kelihatan dalam gambar ini, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah berdiri di-depan gambar pemandangan Negeri Brunei ketika merasmikan pameran tersebut. Di-sabalah Yang Teramat Mulia itu ia-lah Lord Gardner, Pengerusi Lembaga Govanar2 London Institute.

itu akan mengandongi beberapa pertunjukan di-darat dan di-laut.

Pada 28 Februari, mulai pukul 8.00 hingga 11.30 malam pertunjukan aneka warna akan di-adakan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan yang mengandongi pertunjukan2 dari Persatuan2 Belia Daerah Belait, Sekolah2 dan Maktab2 Daerah Brunei dan Muara, kesenian dan kebudayaan antara bangsa dan puak di-Daerah Brunei dan Muara dan persembahan dari ketua2 dan penghulu2 Daerah Brunei/Muara.

Pertunjukan Bunga A p i akan di-adakan di-dua tempat pada 29 Februari ini. Mulai pukul 8.00 malam, pertunjukan itu akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan dan di-Pekan Muara.

Pada hari yang sama di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pertunjukan2 aneka warna di-adakan yang di-am-bil bahagian oleh Perkumpulan Perempuan Brunei, murid2 Sekolah dan penuntut2 Maktab di-samping persembahan kesenian dan kebudayaan antara bangsa dan puak dan persembahan dari ketua2 dan penghulu2 di-Daerah Brunei/Muara.

Pada malam itu juga, Majlis Belia2 Negeri Brunei akan mempersembahkan "T a t o Drama" yang di-timba dari peristiwa2 yang berlaku dalam masa pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin I.

Pertunjukan tato itu akan di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Sultan Omar Ali Saifuddin, Pekan Muara.

Pada hari berikut-nya, 1hb. Mach, mulai pukul 8.30 pagi, Lumba Perahu di-Sungai Brunei akan di-adakan, sementara di-sabalah malam-nya pula pertunjukan anekawarna di-Padang Bandar Seri Begawan.

SATU pameran mengenai Negeri Brunei telah di-rasmikan pembukaan-nya baru2 ini di-Pusat Pameran Commonwealth Institute, London oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah.

Pentas pameran itu berwarna hijau sa-bagai melambangkan ke-Islaman negara yang beragama Islam itu.

Bahan utama dalam pameran itu ia-lah sa-buah chontoh besar Bandar Seri Begawan di-am-bil dari udara yang berwarna yang di-reka oleh pereka perunding institute, Tuan James Gardner.

Bangunan2 tinggi yang di-bena baru2 ini di-ibu kota Brunei dan bangunan2 baru kerajaan yang berbentuk seni Asia menunjukkan kepada raayat British tentang beberapa perkara kemudahan2 moden yang di-adakan untuk raayat Brunei. — Berita dan gambar dari Pejabat Penerangan British di-London.

Penjualan gas

(Dari muka 1)

di-jadualkan bagi musim sejok tahun 1972/73.

Harga pengirisan bahan2 tersebut dalam masa 20 tahun dari pembekalan lanjut ini, akan melebihi 1,000 juta ringgit Amerika, membawakan nilai bagi perusahaan itu pada keseluruhan-nya kepada lebih dari 2,600 juta ringgit Amerika.

Kapal2 Minyak Shell akan menyediakan kemudahan2 perkapalan dan sa-baik2 sahaja tenaga sa-penuh sistem itu terlaksana. tujuh buah kapal LNG akan memainkan peranan-nya antara pelabuhan2 Brunei dan Jepun.

Susunan pembekalan tambahan yang tertentu akan di-majukan dengan Sharikat LNG Brunei Berhad, yang pembenaan kilang-nya sekarang pada peringkat kemajuan di-Lumut. Pemegang saham terdiri dari kerajaan Brunei, Mitsubishi dan Shell dan dengan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad yang akan mengeluarkan gas2 asli dari telaga-nya di-laut.

Kenyataan itu berkata, usaha meluaskan lagi pembekalan gas chair asli Brunei-Jepun ini, adalah satu lagi chontoh kerjasama perengkat terkemuka antara bangsa yang di-kendalikan oleh kompleks tersebut dan teknikal yang berpengalaman, yang paling besar jenis-nya sa-takat ini.